

**Titah KDYMM Semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet
Pengambilan ke 8 pada hari Khamis, 31 Januari 2013
di Perkhemahan Sungai Akar**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana dapat bersama-sama di upacara sovereign parade pengambilan ke 8 Sekolah pegawai kadet angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Terlebih dahulu beta mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai kadet dan kawalan perbarisan atas persembahan mereka yang menarik. Demikian juga tidak lupa tahniah kepada semua yang telah berjaya menjalani latihan sebagai pegawai kadet. Bukan mudah untuk digambarkan segala pengalaman yang dilalui dalam waktu latihan namun semua itu adalah menjadi cabaran bagi meraih kejayaan.

Pengalaman yang berharga sangatlah berpengaruh kepada diri peribadi serta mampu untuk mencetuskan semangat setiaawan yang tinggi, kerana itulah disaat-saat meraikan pencapaian ini perasaan terharu mudah saja timbul di kalangan para pegawai kadet yang akan meninggalkan sekolah dan kembali semula ke tempat masing-masing.

Sedikit masa lagi mereka juga akan memulakan kerjaya sebagai seorang pegawai tentera, mereka juga tidak mudah untuk melupakan pengalaman-pengalaman yang telah dilalui.

Diantara ialah pengalaman sedih kehilangan 12 orang pegawai kadet dan tentera semasa dalam latihan operasi. Kehilangan mereka itu sangatlah dirasakan kerana mereka adalah antara yang terbaik dan cemerlang didalam bidang masing-masing.

Semoga Allah Subahanahu Wataala menempatkan mereka ditempat yang terpuji disisisnya.

Perjuangan dan pengorbanan yang disumbangkan untuk bangsa dan Negara adalah satu hak yang tidak dapat dipandang ringan malah ianya tinggi dan suci disisi allah subhanahu wataala.

Kerana itu ketabahan dan sokongan para ibu bapa dan keluarga adalah menjadi sumber kekuatan dan inspirasi kepada kita semua untuk meneruskan usaha mempertahankan kedaulatan Negara. Tidak syak lagi kerjaya sebagai angkatan tentera itu adalah tunggak utama pertahanan Negara tanpa mengira apa pun

peranan atau jawatan mereka. Dari itu beta berharap semua pegawai kadet yang tamat latihan akan membuktikan hakikat ini melalui perkhidmatan mereka yang tulus ikhlas kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Sehubungan itu beta suka cita mengalu-alukan kehadiran 48 orang pegawai kadet penggambilan ke Sembilan di upacara perbarisan pada pagi ini.

Kesungguhan dan semangat patriotic para pegawai kadet dalam perkhidmatan adalah merupakan contoh dan perlu diteladani oleh kaum remaja yang telah mempunyai kelayakan untuk berkhidmat, lebih-lebih lagi mereka yang dibiayai oleh kerajaan beta sehingga keperingkat tinggi.

Sewajarnya juga kita perlu memberikan penghargaan kepada para ibu bapa yang telah menaruh kepercayaan serta merestui penglibatan anak-anak mereka didalam bidang pertahanan ini.

Beta berharap semua aspek keselamatan dan kesejahteraan pada khususnya hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya, supaya pegawai-pegawai kadet tidak lupa dalam mengejar impian mereka untuk menjadi pegawai tentera.

Kerarah ini kajian dan inisiatif bagi mengurangkan kecederaan hendaklah diteruskan sama seperti adanya latihan awal atau *pre-conditioning* dengan tujuan untuk meningkatkan lagi tahap ketahanan jasmani dan keselamatan bagi bakal pegawai-pegawai kadet. Juga penting ialah usaha kearah meningkatkan kualiti latihan agar setaraf dengan sekolah pegawai kadet luar Negara. Beta sangat menghargai penempatan *Colour Sergeants* ke Sekolah Pegawai Kadet yang terdiri dari Jurulatih daripada *Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom*.

Akhir kata beta ingin mengucapkan penghargaan kepada seluruh warga akademi pertahanan khasnya kepada komandan, pegawai-pegawai dan staf sekolah pegawai kadet, color sergeants dan para jurulatih atas usaha gigih mereka sehingga kejayaan dapat dicapai. Dengan bertawakal kepada Allah Subahanahu Wataala beta dengan amat suka cita mengurniakan tauliah sebagai pegawai tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 21 orang pegawai kadet penggambilan ke lapan.

Sekian Wabillahi taufik Wal Hidayah wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh